

Cabaran Inovasi NUS bagi reka dunia pascapandemik

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) telah mengumumkan satu skim bagi siswazahnya berinovasi untuk mereka dunia pascapandemik yang lebih baik.

Di bawah Cabaran Inovasi ini, universiti itu berkata semalam bahawa ia mengundang saranan untuk memperjuangkan 115 projek berinovasi, sempena ulang tahun ke-115 penubuhan NUS.

Idea yang baik akan diberikan dana sebanyak \$50,000 selama enam bulan.

Sekiranya projek ini dimulakan, universiti tersebut yang minggu lalu menawarkan siswazahnya pekerjaan dan latihan sebagai usaha untuk mengatasi kemelesetan, juga bersedia memberikan sokongan lebih lanjut.

Siswazah NUS diundang membentuk pasukan dan membentangkan idea yang menarik bagi “merintis masa depan dan membantu membentuk masa hadapan yang lebih baik untuk manusia” dalam suasana pascaCovid-19 di seluruh dunia.

Saranan boleh dikemukakan dalam tiga kategori yang luas: menjadikan orang lebih baik, membuat masyarakat lebih baik, dan menjadikan dunia lebih baik – yang mengundang idea mengenai pelbagai topik.

Ini termasuk meningkatkan pembelajaran di rumah, memupuk kebersamaan, menangani ketidaksamaan, mengurangkan kesan perubahan iklim, meningkatkan keselamatan makanan, dan memastikan keselamatan pasca-Covid-19.

Projek yang menangani cabaran yang relevan kepada Singapura dan dunia akan diberi keutamaan.

Cabaran ini dibuka kepada semua siswazah NUS daripada tahun 2020, 2019 dan 2018. Pasukan boleh terdiri daripada tiga hingga lima orang.

Setiap projek yang dipilih akan dibiayai sebanyak \$50,000 selama enam bulan. Geran itu boleh digunakan untuk membayar gaji \$ 1,200 sebulan bagi setiap ahli projek sepanjang tempoh projek itu.

Presiden NUS, Profesor Tan Eng Chye, berkata skim itu adalah peluang terbaik bagi siswazah NUS menyumbang kepada kebaikan sosial yang lebih luas.

Beliau menekan bahawa ia adalah peluang bagi siswa mengubah krisis pandemik, yang disebabkan oleh coronavirus, menjadi satu peluang.

“Dalam bahasa Cina, perkataan krisis, terdiri daripada dua huruf Cina yang menandakan ‘bahaya’ dan ‘peluang’.

“Pelajar kita tidak dinafikan akan menghadapi masa yang mencabar. Biasanya pada masa ini, bahkan sebelum mereka tamat peperiksaan, separuh daripada pelajar kami akan mendapat tawaran pekerjaan.

“Tetapi pelajar tahun akhir kami nampaknya berdepan dengan lebih banyak cabaran tahun ini. Namun saya harap mereka juga melihat peluangnya,” kata Profesor Tan.

Universiti itu memperuntukkan \$6 juta untuk menyokong idea-idea itu.

Idea-idea yang dikemukakan akan dinilai oleh beberapa orang terkenal.

Mereka termasuk Cik Melissa Kwee, Ketua Eksekutif Pusat Sukarelawan dan Dermawan Nasional (NVPC); Cik Tan Li San, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perkhidmatan Sosial Nasional; dan Profesor Tommy Koh, Duta Besar dan Rektor Kolej Tembusu di NUS.

Cabaran Inovasi adalah sebahagian daripada Inisiatif Ketahanan dan Pertumbuhan (R&G) NUS yang diumumkan minggu lalu oleh universiti.

Ia merangkumi Dana Kesepakatan Pelajar untuk membantu pelajar yang memerlukan.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan melungsur nus.edu/InnovChallenge.